

03 JAN, 2025

## THT buru treble

Harian Metro, Malaysia



PASUKAN Hoki Terengganu (THT) pada Majlis Pelancaran THT Liga Hoki Malaysia (MHL) 2025, semalam.

# THT buru treble

*Harfizi harap pasukan bangkit ubati kekecewaan tahun lalu*

Oleh Malik Muhamad  
sukan@hmetro.com.my

## Kuala Terengganu

**S**esudah terlepas tiga trofi pada saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim lalu, Pasukan Hoki Terengganu (THT) idam memburu kejuaraan treble pada musim ini.

Ketua jurulatihnya, Mohd Harfizi Baharom berkata, kekecewaan pada edisi lalu membakar semangat pemainnya untuk kembali bangkit memburu kejuaraan pada musim ini.

Bagaimanapun jelasnya, kehadiran pasukan dari luar negara selain pasukan tempatan bakal memberikan kesukaran kepada

skuadnya untuk memburu trofi Piala Sumbangsih, Piala Liga MHL dan Piala TNB.

"Pada musim lalu skuad bimbingan saya terlepas semua kejuaraan, ianya begitu mengecewakan kami biarpun kejayaan berada dalam radar. Insya-Allah pada musim ini, kita akan cuba rampas semula tiga piala ke bumi Terengganu."

"Pada masa sama pemain berazam untuk bangkit daripada kekecewaan dan akan sedaya upaya bersaing merangkul tiga kejuaraan itu."

"Kehadiran ramai pe-

main berpengalaman yang pernah beraksi di pentas antarabangsa dan ditambah pemain muda berkualiti bakal memperkasakan lagi pasukan pada kali ini."

"Begitu juga dengan kehadiran dua pemain import iaitu Lee Nam Young dari Korea Selatan dan penyerang Afrika Selatan, Samkelo Mvimbwi selain pemain tempatan, Tengku Ahmad Tajuddin, Tengku Abdul Jalil, Mohamad Sukri Mutualib serta pemain adik beradik, Faizal dan Fitri Saari."

"Namun saya sedar ianya tidak semudah peranca-

**“**  
**Pada musim lalu**  
**skuad bimbingan**  
**saya terlepas**  
**semua kejuaraan**  
**Mohd Harfizi**

ngan di atas kertas kerana saingan pada kali ini dijangka lebih sengit terutama kehadiran kelab dari Australia dan China, tidak dilupakan pasukan tempatan yang masing-masing sudah membuat persediaan yang rapi terutama dengan kehadiran pemain import," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Memperkenalkan Pemain dan Jersi Baharu THT di Kuala Terengganu kelmarin yang disempurnakan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Belia Sukan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan negeri, Hishamuddin Abdul Karim yang turut dihadiri Presiden Persatuan Hoki Terengganu (PHT), Mohd Fikri Harun.